

Nasional

Dr Siti Hasmah dibenar keluar hospital

Kuala Lumpur: Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang menerima rawatan di Prince Court Medical Centre, di sini, sejak Isnin lalu akibat keracunan makanan, dibenarkan keluar dari pusat perubatan berkenaan, semalam.

Isteri Perdana Menteri kelihatan ceria ketika diiringi keluar dari hospital terbabit, kira-kira

jam 2 petang.

Isnin lalu, Pejabat Perdana Menteri memaklumkan, Dr Siti Hasmah agak kurang sihat akibat keracunan makanan yang ringan dan sedang berehat.

Beliau sepatutnya menemani Dr Mahathir ke Vietnam, sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri ke negara berkenaan yang berakhir kelmarin.



Dr Siti Hasmah dipimpin keluar dari Prince Court Medical Centre di Kuala